

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan perkhidmatan perubatan pakar di hospital-hospital daerah khususnya bagi penyakit-penyakit kritikal (critical illness) di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kepakaran di Hospital-hospital KKM termasuk di negeri Sabah, Hospital-hospital KKM telah melaksanakan inisiatif Hospital Kluster dengan menggabungkan sekurang-kurangnya satu (1) hospital berpakar dengan beberapa hospital lain di kawasan geografi yang sama. Perkhidmatan kepakaran akan dikongsi dan dioptimakan melalui pembentukan Hospital Kluster. Perkhidmatan kepakaran dilaksanakan melalui lawatan pakar atau penempatan pakar dari hospital berpakar ke hospital tanpa pakar secara berkala bagi memberikan konsultasi, latihan dan pemantauan.

Di samping itu, pegawai-pegawai perubatan dan anggota-anggota kesihatan yang memerlukan latihan akan diberikan latihan sama ada semasa lawatan pakar atau dihantar ke hospital berpakar bagi menjalankan latihan sangkut. Langkah ini dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kepakaran di dalam kluster tersebut.

SOALAN NO : 27

Terdapat empat (4) Hospital Kluster di Negeri Sabah yang telah memulakan inisiatif Hospital Kluster, manakala dua (2) lagi masih dalam perancangan. Senarai Hospital Kluster Negeri Sabah yang telah memulakan inisiatif Hospital Kluster adalah:

a) **Hospital Kluster Kota Kinabalu**

Hospital Queen Elizabeth, Hospital Queen Elizabeth II, Hospital Wanita Kanak-Kanak Likas, Hospital Ranau, Hospital Tuaran, Hospital Kota Belud dan Hospital Papar.

b) **Hospital Kluster Tawau**

Hospital Tawau, Hospital Semporna, Hospital Kunak dan Hospital Lahad Datu.

c) **Hospital Kluster Keningau**

Hospital Keningau, Hospital Tambunan dan Hospital Tenom.

d) **Hospital Kluster Sandakan**

Hospital Sandakan, Hospital Kinabatangan dan Hospital Beluran.

Selain itu, dua (2) Hospital Kluster Negeri Sabah yang akan dibentuk ialah:

a) Hospital Kluster melibatkan Hospital Kota Marudu, Hospital Pitas dan Hospital Kudat; dan

b) Hospital Kluster melibatkan Hospital Beaufort, Hospital Sipitang dan Hospital Kuala Penyu.

Sekian, terima kasih.